

Misi Dalton

Oleh Mohd Faisal Md Noor
bhvarsiti@bharian.com.my

BERMULA dengan keazaman dan galakan daripada abangnya, Kelvin Low Kae Ong, pelajar Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dalton Low Kae Neng sanggup mengayuh basikal sejauh 2,250 kilometer bagi membawa mesej mengenai penyakit HIV/AIDS.

Memulakan perjalanan selama 14 hari yang bermula dari Hospital Sul-tanah Bahiyah, Alor Setar, Low mengakui kesedaran untuk berkongsi maklumat

mengenai penyakit berkenaan dengan orang ramai bermula selepas membaca mengenai artikel berkaitan peningkatan jumlah mereka yang hidup dengan HIV/AIDS di media dan internet.

Low berkata, berbekalkan beg galas dan bergantung sepenuhnya terhadap bekalan makanan yang dibawa, tanpa sebarang kenderaan lain mengiringi kayuhan mereka, beliau dan abangnya bangga kerana misi mereka mendapat reaksi positif daripada orang ramai yang ditemui sepanjang perjalanan mereka itu.

"Asalnya, abang saya ingin melakukannya sendiri, tapi saya rasa ada baiknya menyertai dia. Lagipun, risau juga membiakan dia berseorangan. Apabila sudah berdua, keselamatan lebih terjamin dan sambil itu dapatlah kami melakukan aktiviti riadah bersama.

"Usaha ini belum memadai sebenarnya, tapi sekurang-kurangnya ia boleh dijadikan perintis untuk satu ekspedisi lebih besar dan tersusun pada masa akan datang.

Lagipun, keseda-

Pelajar UPM berkayuh 2,250 km tingkatkan kesedaran masyarakat terhadap HIV/AIDS

ran orang ramai mengenai virus ini belum berada pada tahap memuaskan," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri Kedah menyumbangkan RM500 untuk menajayakan misi itu, manakala basikal jenis *Giant Defy 2 Version 2010* yang digunakan pula ialah sumbangan pasar raya besar Giant.

Katanya, mereka menggunakan duit simpanan sendiri bagi menampung baki kos digunakan sepanjang misi berkenaan yang bermula dan berakhir di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah.

"Kami tidur beratapkan langit semata-mata ingin membantu menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai bahaya penyakit yang tiada penawar sehingga sekarang.

"Pelbagai dugaan dihadapi sepanjang perjalanan itu. Antara yang paling tidak dapat dilupakan ialah terpaksa meredah hujan lebat dan mengayuh di laluan geografi tidak stabil seperti berbukit dan kawasan curam," katanya.

Low berkata, mereka berhenti di setiap bangunan hospital dan balai polis sepanjang misi berkenaan sebagai 'check point' sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi seterusnya.

Katanya, pengalaman abangnya yang bertindak sebagai perancang, penasihat dan pemberi motivasi sepanjang misi berkenaan menjadi pembakar semangatnya meneruskan perjalanan walaupun pernah berputus asa apabila mengalami masalah kesihatan.

"Kami sentiasa menghubungi keluarga di Perak

untuk memaklumkan keadaan dan lokasi kami bagi memastikan mereka tidak risau.

"Misi ini bukan saja menjadi pengalaman manis untuk saya, bahkan mampu membina rasa yakin diri kami berdua untuk berdepan cabaran lebih besar dalam kehidupan," katanya.



BIODATA
DALTON LOW KAE NENG
Asal: Parit Buntar Perak
Tarikh lahir: 5 Mei 1990
Bidang Pengajian: Ijazah Sarjana Veterinar UPM
Cita-cita: Doktor Perubatan Veterinar
Pembabit dalam Aktiviti Kesukan Paralimpik Antarabangsa (Fespic Game) yang diadakan